

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN MELALUI GOOGLE MEET

Ernie Suzana Mahsum
erniesuzana@polikk.edu.my

Dicky Wiwittan Toto Ngadiman
dicky@polikk.edu.my

Rosminah Mustakim
rosminah@kksk.edu.my

Abstrak: Pandemik yang terjadi pada masa sekarang telah memberi kekangan kepada kebanyakan institusi untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp) secara bersemuka. Hasilnya, kebanyakan pensyarah mengambil inisiatif menggunakan Google Meet sebagai medium untuk menjalankan aktiviti pdp secara maya. Semasa sesi pdp berlangsung, pensyarah sukar menilai persepsi pelajar. Ini kerana terdapat sesetengah pelajar tidak membuka kamera menyebabkan pensyarah tidak dapat melihat ekspresi muka pelajar secara langsung. Justeru kajian ini adalah untuk menilai persepsi pelajar terhadap penggunaan Google Meet dalam pembelajaran. Sampel kajian yang dipilih adalah pelajar Politeknik Kota Kinabalu yang belajar dari kediaman masing-masing. Pelajar dikehendaki menjawab soal selidik yang diedarkan secara rawak. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar terhadap pembelajaran melalui Google Meet adalah di tahap yang sederhana. Kajian ini membantu pensyarah mengenal pasti tahap persepsi pelajar terhadap pembelajaran melalui Google Meet seterusnya dapat merancang pelaksanaan kelas supaya pelajar lebih terlibat dalam pembelajaran.

Kata kunci: Google Meet; Persepsi pelajar

1. Pengenalan

Sebelum ini Google Meet lebih dikenali sebagai peranti yang digunakan oleh ahli perniagaan untuk mengadakan persidangan video dalam talian (Purwanto & Tannady, 2020). Namun, kebelakangan ini Google Meet digunakan untuk tujuan pembelajaran dalam talian (Basilaia & Kvavadze (2020); Nasution & Nandiyantoc (2021); Septantiningtyas et al. (2021). Lebih-lebih lagi, semasa pandemik seperti sekarang, terdapat sekolah yang tidak menjalankan aktiviti pdp secara bersemuka (Putra et al., 2020; Cheng et al., 2020.) Hasilnya, banyak pendidik dan pelajar akhirnya beralih menggunakan Google Meet sebagai "kelas" mereka. Aplikasi Google Meet merupakan aplikasi yang terkini. Menurut Al-Marooof et al., (2020) tidak ada kajian yang memfokuskan peranan Google Meet di domain pendidikan tinggi. Google Meet merupakan sebuah aplikasi video conference (Rustaman, 2020) atau boleh juga disebut sebagai *meeting online*. Google Meet merupakan salah satu produk buatan Google yang merupakan layanan komunikasi video yang dikembangkan oleh Google. Aplikasi Google Meet merupakan salah satu dari dua aplikasi dengan versi terbaru yang mana versi sebelumnya adalah Google Chat

dan Google Hangouts. Pada bulan Oktober 2019, pihak Google sudah memberhentikan versi klasik dari Google Hangouts.

Penggunaan Google Meet memberi kemudahan kepada pensyarah dan pelajar untuk menjalankan aktiviti pdp dari kediaman masing-masing. Namun begitu, timbul persoalan bagaimanakah persepsi pelajar semasa berada di dalam kelas Google Meet. Ini kerana sesi pdp dari rumah menuntut pelajar untuk memberikan kosentrasi yang lebih tinggi tanpa ada gangguan lain untuk memahami suatu topik yang disampaikan memandangkan pelajar tidak bersemuka dengan pensyarah. Semasa membuat kelas secara Google Meet rangkaian internet perlulah stabil, sekiranya jaringan internet tidak bagus pelajar mungkin tidak berminat menghadirkan diri di dalam kelas dan seterusnya menjejaskan prestasi pembelajaran. Terdapat sesetengah pelajar tidak dapat membuka kamera semasa kelas berlangsung di sebabkan talian internet tidak baik. Ini menyebabkan pensyarah tidak dapat melihat ekspresi muka pelajar dan menilai persepsi pelajar semasa kelas google meet berlangsung. Ini juga menyebabkan pensyarah sukar memastikan pelajar fokus belajar semasa di dalam kelas Google Meet. Objektif kajian ini adalah untuk menilai persepsi pelajar terhadap penggunaan Google Meet dalam pembelajaran. Justeru itu, kajian ini penting untuk membantu pensyarah supaya lebih mengetahui kaedah yang terbaik semasa pengajaran dan pembelajaran semasa di dalam kelas.

2. Sorotan Kajian

Google Meet, juga dikenali sebagai Google Hangouts Meet, dibina untuk membolehkan puluhan orang menyertai perjumpaan maya yang sama, dan bercakap atau berkongsi video antara satu sama lain dari mana sahaja dengan akses internet (Dingwall et al., 2014). Ini adalah salah satu daripada dua aplikasi yang menjadi pengganti Google Hangouts selain Google Chat (de Looper & Christian, 2019). Google Meet dibina untuk membolehkan puluhan orang menyertai perjumpaan maya yang sama dan bercakap atau berkongsi video antara satu sama lain dari mana sahaja dengan akses internet. Ia juga digunakan dalam organisasi perniagaan sebagai medium bagi rakan sekerja yang tidak bekerja di bangunan yang sama untuk berkomunikasi.

Antara kepentingan Google Meet dalam pembelajaran adalah dapat mengendalikan persidangan dengan bilangan peserta yang ramai, walaupun terdapat kemungkinan berlaku kelewatan dan gangguan. Ini kerana kualiti dan prestasi keseluruhan bergantung pada faktor yang merangkumi kelajuan Internet dan keupayaan perkakasan peranti yang menjalankan platform. Prestasi keseluruhan tetap kukuh dengan prestasi minimum, setanding dengan prestasi pesaing utama seperti Zoom dan Microsoft Teams. Keselamatan dijamin melalui infrastruktur IT global Google yang mapan. Syarikat itu mematuhi standard dalaman dan undang-undang untuk melindungi privasi data, harta digital, dan kepentingan pangkalan penggunaanya. Ia menggunakan penggodaman untuk mengamankan panggilan video, strategi penghindaran serangan ganas, dan pengesahan akaun dan pemulihan pelbagai faktor (Kristy Simon, 2011). Hasil kajian yang dijalankan oleh Musa & Abdillah (2021) menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa Google Meet mudah dicapai di samping mempunyai reka bentuk antara muka pengguna yang mudah dan menarik.

Google Meet, memberi pensyarah masa untuk bersemuka dengan pelajar mereka. Ianya merupakan alternatif terbaik untuk mengajar dari bilik darjah fizikal. Melalui Google Meet, institusi dapat mengekalkan aliran komunikasi antara pelajar, ibu bapa, penjaga dan rakan pelajar di platform yang selamat. Walaupun terdapat pendapat yang mengaitkan persidangan

video dengan sektor korporat, Google Meet boleh dianggap sebagai alat penting untuk pendidikan dalam hal pembelajaran jarak jauh. Berdasarkan sorotan kajian di atas, pelbagai kajian berkenaan Google Meet telah dijalankan. Justeru itu, perlunya satu kajian dilaksanakan di Politeknik Kota Kinabalu bagi mengenal pasti persepsi pelajar politeknik terhadap pembelajaran melalui Google Meet.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Sampel kajian adalah dari 315 orang pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Lokasi kajian adalah di kediaman pelajar masing-masing. Kaedah pungutan data menggunakan pensampelan rawak mudah. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan borang kaji selidik. Item-item kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Data kajian yang diperoleh telah dianalisis secara deskriptif iaitu untuk mendapatkan skor min. menggunakan SPSS v.22. Penentuan tahap-tahap dalam analisis item kajian akan diukur berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1: Item kajian

Kod item	Item
GM1	Aplikasi Google meet senang digunakan dalam pembelajaran
GM2	Aplikasi Google meet ringkas dan senang difahami.
GM3	Aplikasi Google meet Ini menyediakan arahan dalam bahasa mudah difahami
GM4	Video pengajaran menggunakan Aplikasi Google meet mudah di rekod dan disimpan.
GM5	Kualiti audio dan video Aplikasi Google meet sempurna.
GM6	Aplikasi Google meet mudah untuk menjadualkan acara dan perjumpaan.
GM7	Perkongsian skrin Aplikasi Google meet adalah mudah untuk pembentangan
GM8	Aplikasi Google meet mudah digunakan berbanding dengan aplikasi lain (seperti Ms Team, Zoom dan sebagainya)
GM9	Aplikasi Google meet membenarkan bilangan perjumpaan yang tidak terhad
GM10	Layout dan tetapan skrin adalah jelas
GM11	Aplikasi Google meet mudah untuk menghantar mesej ketika perjumpaan
GM12	Aplikasi Google meet menjimatkan penggunaan data internet berbanding aplikasi lain

Jadual 2: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Dicky et al. (2019)

4. Hasil Kajian

a) Analisis demografi responden

Jadual 3: Demografi responden

	Item	Percent
Jantina	Lelaki	68.9
	Perempuan	31.1
Jabatan	JKA	32.4
	JKE	23.2
	JKM	35.9
	JP	8.6
	Bandar	36.8
Kediaman pelajar	Luar bandar	63.2
Semester	1	77.8
	2	15.9
	3	6.3
Sumber kewangan pelajar	Biasiswa	3.2
	Biasiswa dan ibu bapa	6
	Ibu bapa	87.9
	Tiada sumber	2.9
Pendapatan ibu bapa	RM100 - RM4,850	82.9
	RM10,970 ke atas	3.2
	RM4,851 - RM10,970	14

Berdasar kepada Jadual 3, seramai 68.9 peratus sampel daripada kalangan lelaki dan selebihnya adalah pelajar perempuan iaitu sebanyak 31.1 peratus. Daripada bilangan responden tersebut, Sebanyak 36.8 peratus adalah tinggal di bandar manakala 63.2 peratus tinggal di luar bandar. Sementara itu, 77.8 peratus merupakan pelajar semester satu dan dua, 15.9 peratus adalah pelajar semester 3 dan semester 4 serta 6.3 peratus adalah pelajar

semester lima dan semester 6. Seterusnya sebanyak 82.9 peratus sumber kewangan pelajar adalah daripada ibu bapa, biasiswa sebanyak 3.2 peratus, biasiswa dan ibu bapa sebanyak 6 peratus dan sebanyak 2.9 peratus tiada sumber pendapatan.

b) Analisis item kajian

Jadual 4: Tahap persepsi pelajar terhadap pembelajaran melalui Google Meet

Item	Sisihan Piawai	Min	Tahap
GM1	3.89	3.89 ¹	Sederhana
GM2	3.82	3.82 ²	Sederhana
GM3	3.89	3.89 ¹	Sederhana
GM4	3.48	3.48	Sederhana
GM5	3.58	3.58	Sederhana
GM6	3.73	3.73	Sederhana
GM7	3.69	3.69	Sederhana
GM8	3.48	3.48	Sederhana
GM9	3.61	3.61	Sederhana
GM10	3.67	3.67	Sederhana
GM11	3.80	3.80 ³	Sederhana
GM12	3.54	3.54 ⁴	Sederhana
Purata		3.68	Sederhana

¹Item yang memperoleh skor min tertinggi

²Item yang memperoleh skor min kedua tertinggi

³Item yang memperoleh skor min ketiga tertinggi

⁴Item yang memperoleh skor min terendah

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis bagi 12 item. Item yang memperoleh skor min tertinggi (min = 3.89) adalah item 1 iaitu “aplikasi Google Meet senang digunakan dalam pembelajaran” dan item 3 iaitu “aplikasi Google Meet ini menyediakan arahan dalam bahasa mudah difahami” diikuti item 2 iaitu sebanyak 3.82 dan item 11 iaitu skor min 3.80 seterusnya item 12 iaitu skor min 35.4. Penentuan tahap kecenderungan adalah berdasarkan nilai skor min sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

5. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan adalah untuk menilai persepsi pelajar terhadap pembelajaran melalui Google Meet. Kajian ini mendapati secara puratanya tahap persepsi pelajar adalah sederhana. Ini menunjukkan pelajar-pelajar masih berminat mengikuti pembelajaran melalui Google Meet. Google Meet masih diterima dalam kalangan pelajar kerana walaupun aplikasi ini adalah aplikasi persidangan video yang berorientasikan perniagaan namun sesuai digunakan dalam aktiviti pembelajaran. Aplikasi ini membolehkan pelajar menghadiri kelas yang telah dijadualkan dengan mudah dari rumah sepanjang tempoh kawalan pergerakan untuk membendung Covid-19. Di samping itu, keupayaan Google Meet untuk berkongsi skrin

semasa pelajaran dan secara visual membantu pelajar membuat pembentangan dengan mudah. Dapatan kajian dapat membantu pensyarah menilai beberapa kaedah yang dijalankan semasa pembelajaran atas talian dan penerimaan pelajar terhadap kaedah yang digunakan dapat dinilai melalui persepsi pelajar tersebut. Justeru, pensyarah perlu peka dan lebih kreatif membuat persediaan sebelum melaksanakan kelas bagi memastikan pelajar berminat untuk belajar yang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman pelajar semasa kelas berlangsung.

Rujukan

- Al-Marroof, R. S., Salloum, S. A., Hassanien, A. E., & Shaalan, K. (2020). Fear from COVID-19 and technology adoption: the impact of Google Meet during Coronavirus pandemic. *Interactive Learning Environments*, 1-16.
- De Looper, Christian. (2019). "Google will begin shutting down the classic Hangouts app in October". *DigitalTrends.com*. Archived from the original on August 4, 2019. Retrieved September 5, 2019.
- Dicky, W., Salmy, E., & Hairunnizam, W. (2019). Self-Esteem Levels of the Indebted Lower-Income Group and the Role of Organizations in the Plantation Sector. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Dingwall, O., Lê, M. L., Monnin, C., Szwajcer, A., & Vokey, S. (2014). Where do you want to meet? Assessment and evaluation of virtual meeting software. *Journal of the Canadian Health Libraries Association/Journal de l'Association des bibliothèques de la santé du Canada*, 35(2), 64-67.
- Hung, M. L., Chou, C., Chen, C. H., & Own, Z. Y. (2010). Learner readiness for online learning: Scale development and student perceptions. *Computers & Education*, 55(3), 1080-1090.
- Johnston, Scott (March 9, 2017). "Meet the new Hangouts". Google. Archived from the original on March 14, 2017. Retrieved March 15, 2017.
- Kristy Simon (2021). Advantages and Disadvantages of Google Meet. Profolus.<https://www.profolus.com/topics/advantages-and-disadvantages-of-google-meet/>
- LePine, J. A., LePine, M. A., & Jackson, C. L. (2004). Challenge and hindrance stress: relationships with exhaustion, motivation to learn, and learning performance. *Journal of applied psychology*, 89(5), 883.
- Musa, M., & Abdillah, N. A. (2021). Penggunaan Google Meet dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *Journal of Modern Education*, 3(8), 104-113.
- Rustaman, A. H. (2020). Efektivitas penggunaan aplikasi daring, video conference dan sosial media pada mata kuliah komputer grafis 1 di masa pandemi covid-19. *JISIP (Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan)*, 4(3).

- Purwanto, E., & Tannady, H. (2020). The Factors Affecting Intention to Use Google Meet Amid Online Meeting Platforms Competition in Indonesia. *Technology Reports of Kansai University*, 62(06), 2829-2838.
- Nasution, A. R., & Nandiyanto, A. B. D. (2021). Utilization of the google meet and quiziz applications in the assistance and strengthening process of online learning during the COVID-19 pandemic. *Indonesian Journal of Educational Research and Technology*, 1(1), 31-34.
- Septantiningtyas, N., Juhji, J., Sutarman, A., Rahman, A., & Sa'adah, N. (2021, February). Implementation of Google Meet Application in the Learning of Basic Science in the Covid-19 Pandemic Period of Student Learning Interests. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1779, No. 1, p. 012068). IOP Publishing.
- Basilaia, G., & Kvavadze, D. (2020). Transition to online education in schools during a SARS-CoV-2 coronavirus (COVID-19) pandemic in Georgia. *Pedagogical Research*, 5(4).
- Putra, P., Liriwati, F. Y., Tahrim, T., Syafrudin, S., & Aslan, A. (2020). The students learning from home experiences during Covid-19 school closures policy in Indonesia. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(2), 30-42.
- Cheng, S. Y., Wang, C. J., Shen, A. C. T., & Chang, S. C. (2020). How to safely reopen colleges and universities during COVID-19: experiences from Taiwan. *Annals of internal medicine*, 173(8), 638-641.